

Vaksinasi Malaysia tertinggi di dunia

Sinar Harian (14/07/2021) M/S

Muhyiddin yakin vaksinasi lebih 420,000 dos pada Isnin mampu capai imuniti kelompok

KLANG

Kadar vaksinasi harian yang melebihi 420,000 dos pada Isnin merupakan berita baik untuk negara dalam usaha mencapai tahap imuniti kelompok sebelum akhir tahun ini.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, jumlah tersebut merupakan antara vaksinasi tertinggi di dunia.

"Ia berita baik kerana ia (kadar vaksinasi harian itu) antara tertinggi di dunia dan kalau kita ikut fasa vaksinasi, saya jangka kita boleh capai untuk

hampir semua yang perlu divaksinasi selesai sebelum akhir tahun ini dan nampaknya proses ini berjalan lancar," katanya kepada pemberita selepas melawat di Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) di sini pada Selasa.

Perdana Menteri turut mengarahkan Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK), Khairy Jamaluddin Abu Bakar untuk membeli mana-mana vaksin yang sedia ada.

"Walaupun kita telah beli lebih tapi lambat sampai. Kalau ada lain yang contohnya Pharmaniaga boleh bekal tambahan dua ke tiga juta dos, kita akan beli. Ini komitmen kerajaan Perikatan Nasional," kata beliau.

Pada Isnin, jumlah suntikan harian vaksin Covid-19 negara mencecah rekod tertinggi iaitu sebanyak 421,479



Muhyiddin (dua dari kanan) mendengar penerangan daripada Pakar Kecemasan, Dr Ahmad Tajuddin (kanan) ketika melawat HTAR, Klang pada Selasa.

dos dengan pemberian dos pertama sebanyak 264,034, manakala dos kedua pula sebanyak 157,445 suntikan.

Muhyiddin berkata, rekod menunjukkan peningkatan pemberian vaksin akan menurunkan kes dan ekonomi negara boleh meningkat.

"Langkah-langkah yang kita ambil agak berkesan dan saya

yakin dengan sokongan semua pihak, (kita) dapat mengatasi masalah ini," kata Perdana Menteri sambil menambah beliau yakin, negara memasuki ke Fasa Dua Pelan Pemulihan Negara (PPN) tidak lama lagi.

Dalam usaha menangani situasi jangkitan Covid-19 di Lembah Klang, Muhyiddin berkata, beliau bersetuju dengan

permohonan sebanyak RM1.6 bilion daripada Kementerian Kesihatan (KKM) bagi meningkatkan keupayaan petugas barisan hadapan.

Bagi pengurusan Covid-19 di Lembah Klang, beliau berkata, peruntukan sebanyak RM100 juta ditambah bagi aktiviti penyumberan luar dan RM20 juta untuk pengurusan kesihatan mental.

"Selain itu, peruntukan tambahan diberi untuk penambahan ruang hospital di Selangor sebanyak RM5 juta dan bayaran elaun Covid-19 bagi kakitangan di unit rawatan rapi (ICU) sebanyak RM1,000 sebulan.

"Kerajaan juga bersetuju bagi penyediaan taska atau sewa bangunan menempatkan anak-anak petugas barisan hadapan dengan peruntukan sebanyak RM1.5 juta dan pusat kuarantin khas bagi petugas barisan hadapan dengan peruntukan sebanyak RM2 juta," katanya. - Bernama

MEDEPANI KRISIS
COVID-19:
APA TINDAKAN
KITA?